



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

ISNIN
21 OKTOBER 2024



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akbar	Kosmo!
Tarikh	21 Oktober 2024
Ruang	Negara!
Muka Surat	10

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

Majikan pening fikirkan gaji RM1,700

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerusi Belanjawan 2025 mengumumkan kadar gaji minimum dinaikkan daripada RM1,500 kepada RM1,700 sebulan berkuat kuasa mulai 1 Februari 2025.

Ia mendapat maklum balas positif daripada rakyat. Ramai yang gembira dengan kadar baharu tersebut apabila sedikit sebanyak dapat membantu perbelanjaan keluarga.

Dengan keadaan kos sara hidup khususnya di bandar, komitmen bulanan serta pelbagai lagi bayaran ditanggung, ramai mengharapkan sesuatu dari segi kadar gaji minimum dalam belanjawan kali ini.

Lebih-lebih lagi golongan berpendapatan rendah.

Di sebalik berita gembira tersebut, sebenarnya ia turut 'memeningkan' pihak majikan terutama pengusaha dan pemilik perniagaan.

Tinjauan di media sosial mendapati, mereka meluahkan kebimbangan apabila perlu menanggung kos yang meningkat susulan pelaksanaan kadar gaji minimum.

Bagi menanggung bebanan, mereka mungkin terpaksa meningkatkan harga perkhidmatan atau produk. Bagaimanapun, ia



Analisis Semasa

Bersama
SITI A'ISYAH SUKAIMI

turut merisikokan peniaga apabila berdepan kehilangan pelanggan.

Akhirnya ia boleh memberi kesan kepada perniagaan jika tidak mendapat keuntungan, sehingga majikan terpaksa mengurangkan pekerja atau menutup perusahaan.

Salah seorang yang meluahkan kerisauan itu ialah seorang pengusaha taska. Dia memberitahu, pengumuman kadar gaji minimum itu menyebabkan dia 'berdenut kepala' kerana perlu menanggung kos yang tinggi.

Pada masa sama, dia tidak sampai hati untuk menaikkan bayaran yuran.

Bagaimanapun, dia memaklumkan terpaksa meningkatkan harga yuran itu kelak selepas menyusun semula strategi perniagaannya.

Situasi itu selari dengan dinyatakan oleh Presiden Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Samenta), Datuk William Ng bahawa peningkatan kadar gaji minimum dijangka

menyebabkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terjejas.

"PKS di Sabah dan Sarawak khususnya berdepan kesukaran melaksanakan gaji minimum tersebut, malah dijangka turut mengakibatkan kehilangan pekerjaan yang besar.

"Ini akan sangat merugikan B40 apabila kebanyakan mereka bergantung kepada kerja separa mahir, sekali gus menjadi antara pekerjaan pertama yang terjejas," katanya.

Ujarnya, Samenta bersetuju gaji di Malaysia terlalu rendah dan lebih banyak yang perlu dilakukan untuk menaikkan kadar pendapatan tersebut.

"Namun, gaji minimum itu datang ketika masa margin termampat kepada PKS dan ia juga akan mengganggu operasi PKS," katanya.

Justeru, beliau menggesa kerajaan untuk mempertimbangkan pengecualian cukai dividen dua peratus ke atas pemilik PKS kerana disifatkan merugikan pengusaha perniagaan tersebut.

"Mengenakan cukai atas dividen daripada pendapatan yang telah dikenakan cukai bukan sahaja satu bentuk cukai berganda, tetapi menghalang PKS daripada mengembangkan perniagaan atau memperoleh keuntungan lebih tinggi," ujarnya.

Jana ekonomi domestik lebih RM15 bilion

la anggaran daripada tambahan bantuan tunai, peningkatan gaji minimum

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI
SHAH ALAM

Peningkatan bantuan tunai dan kenaikan gaji minimum kepada kumpulan miskin dijangka menjana ekonomi domestik lebih RM15 bilion, mengambil kira kesan pengganda daripada perbelanjaan bantuan serta inisiatif tersebut oleh rakyat.

Penganalisis Ekonomi Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF), Profesor Dr Baharom Abdul Hamid berkata, anggaran tersebut mengambil kira tambahan bantuan tunai yang diterima menerusi Sumbangan Tunai Rahmah (STR), kenaikan jumlah penerima Sumbangan Asas Rahmah (SARA) dan peningkatan kadar gaji minimum.

"Kecairan sekurang-kurangnya RM15 bilion dijangka mengalir dalam ekonomi domestik negara menerusi tambahan bantuan dan peningkatan gaji minimum kerana dari sudut prinsip ekonomi, perbelanjaan yang dibuat akan beri kesan pengganda.

"Ini kerana orang miskin akan menggunakan wang sumbangan dan gaji mereka untuk beli keperluan harian serta barang tempatan," kata-nya ketika dihubungi pada Ahad.

Ketika membentangkan

“ Kecairan sekurang-kurangnya RM15 bilion dijangka mengalir dalam ekonomi domestik negara menerusi tambahan bantuan dan peningkatan gaji minimum kerana dari sudut prinsip ekonomi, perbelanjaan yang dibuat akan beri kesan pengganda.”

- Baharom



Belanjawan 2025 pada Jumaat lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan meningkatkan peruntukan STR dan SARA kepada RM13 bilion berbanding RM10 bilion sebelum ini yang bakal memanfaatkan sembilan juta penerima atau 60 peratus penduduk dewasa negara.

Ujarnya, tambahan peruntukan RM3 bilion membolehkan kadar maksimum STR yang diterima isi rumah meningkat daripada RM3,700 kepada RM4,600 manakala bagi individu bujang naik kepada RM600.

Anwar yang juga Menteri Kewangan turut mengumumkan kerajaan bersetuju menaikkan kadar gaji minimum kepada RM1,700 sebulan berkuat kuasa 1 Februari 2025.

Mengulas lanjut mengenai anggaran kecairan, Baharom menjelaskan, ia sekadar berasaskan tambahan RM100 bagi STR, tambahan jumlah penerima SARA dan RM200 tambahan gaji minimum.

"Jika RM100 didarab dengan enam juta penerima STR, ia akan jadi RM600 juta dan sekiranya digandakan dengan kesan

pengganda ekonomi negara yang saya lihat berada pada gandaan tujuh bagi setiap RM1, kecairannya akan jadi sekitar antara RM3.5 bilion hingga RM5.5 bilion.

"Bagi SARA, kecairannya sekitar RM3 bilion hingga RM5 bilion dan untuk gaji minimum pula antara RM3 bilion hingga RM5 bilion. Oleh itu bagi ketiga-tiga tambahan bantuan ini dijangka menggerakkan ekonomi antara RM10 bilion hingga lebih RM15 bilion," ujarnya.

Menurut Baharom, kesan pengganda sememangnya akan berlaku dalam pembelian di setiap peringkat yang menggerakkan ekonomi negara.

"Contoh kesan pengganda ini seperti kalau kita beli seekor ayam segar daripada gaji yang naik itu, tauke ayam akan dapat untung dan dia akan berbelanja lebih, misalnya dengan beli kasut. Tauke kasut pula akan berbelanja lebih dengan bawa anak makan di restoran."

"Kesan pengganda ini akan kita dapat lihat terus pada tahun depan dengan adanya peningkatan pendapatan boleh guna ini," jelas beliau.

Tidak beri impak terhadap pengecilan operasi - MEF

SHAH ALAM - Peningkatan gaji minimum RM1,700 bermula tahun depan tidak memberikan sebarang impak terhadap kemungkinan berlakunya pengecilan operasi syarikat kecuali ia didorong oleh isu pengurusan perniagaan itu sendiri.

Presiden Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman berkata, pihaknya selaku ahli Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) telah mengkaji perkara tersebut dan mengesyorkan RM1,700 sebagai aman terbaik bagi kebanyakan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Menurut beliau, majoriti syarikat besar menyambut baik kenaikan gaji minimum itu tetapi berbeza dengan PKS yang hanya mempunyai lima hingga 20 pekerja dalam satu ruang lingkup operasi.

"Corak perniagaan dan operasi PKS pun berbeza. Oleh itu, majikan akan buat apa sahaja yang mereka mampu untuk menjaga kakitangan."

"Saya tak rasa kenaikan gaji minimum akan berkesan terhadap pengecilan operasi sehingga ada yang hilang pekerjaan tetapi ia lebih kepada isu perniagaan itu sendiri," katanya ketika dihubungi pada Ahad.

Sebelum ini Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika pembentangan Belanjawan 2025 di Dewan Rakyat mengumumkan kenaikan kadar gaji minimum daripada RM1,500 kepada RM1,700 sebulan mulai 1 Februari 2025.

Menteri Kewangan itu memaklumkan, kerajaan turut memutuskan penangguhan kuat kuasa gaji minimum RM1,700 membabitkan majikan yang mempunyai kurang daripada lima pekerja bagi tempoh enam bulan berkuat kuasa 1 Ogos tahun depan.

Jelasnya lagi, Kementerian Sumber Manusia bakal menerbitkan garis panduan gaji permulaan bagi semua sektor pekerjaan untuk rujukan pekerja.

Ditanya mengenai kemungkinan berlaku pengurangan tenaga kerja, Syed Hussain berpandangan tidak mustahil ia akan terjadi secara automatik sekiranya syarikat menaik taraf sistem syarikat atau menggunakan peralatan canggih yang menggantikan pekerja.

"Jika naik taraf sistem berlaku, beberapa skop tugas akan hilang tetapi pekerjaan lain seperti teknikal mungkin meningkat," katanya.



SYED HUSSAIN



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akhbar	Sinar Harian
Tarikh	21 Oktober 2024
Ruang	Nasional
Muka Surat	8



Belanjawan 2025 beri manfaat besar kepada belia

GEORGE TOWN - Peningkatan jumlah bantuan kewangan untuk belia berstatus bujang yang dibentangkan dalam Belanjawan 2025, Jumaat lalu dilihat dapat membantu mengurangkan beban kos sara hidup golongan berkenaan.

Pengerusi Gerakan Belia 4B Malaysia Pulau Pinang, Mohamad Nazri Abdul Latiff berkata, selain itu peluasan program MyLesen kepada 15,000 pelajar B40 turut memudahkan mereka mendapat Lesen Memandu Malaysia kelas B2.

"Kami menyambut baik Belanjawan 2025 yang bertemakan Menjana Pertumbuhan, Memastikan Kesejahteraan, dengan pelbagai inisiatif yang memberi manfaat besar kepada belia dan Pulau Pinang.

"Antaranya ialah Skim Mikro Belia (RM150 juta) dan Skim Mula Niaga (RM50

juta) untuk menyokong usaha belia memulakan perniagaan.

"Selain itu, Program Pembangunan Keusahawanan Belia Burmiputera (RM30 juta) menyediakan sokongan khusus kepada usahawan muda," katanya dalam satu kenyataan media pada Ahad.

Tambah beliau, langkah kerajaan menaikkan gaji minimum kepada RM1,700 dan kesinambungan inisiatif MySTEP bagi memastikan belia mendapat peluang pekerjaan dengan pendapatan yang setimpal juga amat dihargai.

"Program MyInsentif Kesuma (RM30 juta) untuk belia India pula memperkuatkan kesamarataan dalam pembangunan



MOHAMAD NAZRI

"Komitmen kerajaan terhadap pendidikan dengan peruntukan RM4 bilion untuk biasiswa dan pinjaman pendidikan menunjukkan tumpuan yang besar bagi membangun modal insan berkualiti," ujarnya.

Jelas beliau, Dana Pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sebanyak RM500 juta bagi pelajar dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan

dan Matematik (STEM) memberi dorongan kepada belia untuk terlibat dalam sektor teknologi.

"Selain itu, Program Rakan Muda (RM25 juta) dan Belia Kreatif Komuniti Madani (RM30 juta) akan terus memperkuatkan kreativiti serta potensi belia.

"Melalui Step Up Financing (RM5 bilion), kerajaan mempermudah golongan muda untuk memiliki rumah pertama dengan bayaran balik lebih rendah, membantu belia yang baru memulakan keluarga," katanya.

Sementara itu, bagi Pulau Pinang, projek UTC di Seberang Perai dan penerusan Pas Bulanan My50 dilihat akan memudahkan pergerakan belia.

"Pelaksanaan Lebuhraya Bertingkat Juru-Sungai Dua akan meningkatkan aksesibiliti dan infrastruktur negeri.

"Dengan pengumuman dibentangkan itu, pihak kami memuji dan menyokong Belanjawan 2025 yang berorientasikan pertumbuhan serta kesejahteraan.

"Kami juga komited untuk bekerjasama dengan kerajaan bagi memastikan kejayaan inisiatif yang memajukan belia dan negeri," katanya.



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akhbar	Harian Metro
Tarikh	21 Oktober 2024
Ruang	Akademia
Muka Surat	33 & 34

Harian

Metro

HARIAN METRO
ISNIN 21 OKTOBER 2024

AKADEMIA | 33

AKADEMIA RUANG LUAS PERKASA TVET

FOKUS

Oleh Sulati Asri
sulati@hmetro.com.my

Belanjawan 2025 yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim Jumaat lalu nyata memanfaatkan pemain industri dan dunia pendidikan negara.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Profesor Ir Dr Azman Senin turut menyambut baik pertambahan peruntukan sebanyak 10 peratus yang membawa kepada sejumlah RM 5 bilion berbanding tahun lalu di bawah inisiatif memerkasaan Pendidikan

dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Menurutnya, pertambahan itu selaras dengan Dasar TVET Negara 2030 yang dilancarkan pada Jun lalu dalam menjayakan visi dasar berkenaan iaitu ke arah menjadikan Malaysia sebagai negara maju yang berpaksikan modal insan berkemahiran.

"Keutamaan pada pengumuman belanjawan kali ini dilihat menekankan peningkatan kerjasama dengan industri, penyediaan peluang latihan untuk belia rentan termasuk dari kelompok miskin bandar, terpinggir, pedalaman dan Orang Asli serta membawa khidmat TVET bagi manfaat masyarakat.

"Ini dilihat sebagai inisiatif terbaik dalam usaha untuk memperkasaan TVET khususnya kepada masyarakat dapat dipergiat terutamanya dalam mengubah persepsi masyarakat bahawa TVET bukan lagi pilihan kedua malah pilihan utama kerjaya," katanya.

Mengulas lanjut Dr Azman meneckan, kepentingan dalam

> 34

Tambahan peruntukan 10 peratus selaras usaha jadikan Malaysia negara maju berpaksikan modal insan berkemahiran





KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

Akbar	Harian Metro
Tarikh	21 Oktober 2024
Ruang	Akademia
Muka Surat	33 & 34

Harian

Metro

34 | AKADEMIA

HARIAN METRO

ISNIN 21 OKTOBER 2024

DARI MUKA 33

mempertingkat kerjasama dengan industri yang turut tersenarai dalam keutamaan belanjawan kali ini yang mana penyelarasaran kurikulum dapat ditetapkan dengan penghantaran pelajar ke industri bagi melaksanakan pembelajaran berasaskan kerja (WBL).

"Selaku institusi penyedia latihan TVET aras tinggi (HTVET), UniKL turut menyokong usaha kerajaan dalam mempertingkat peluang pendidikan dan latihan TVET terutamanya kepada kolej vokasional dan sekolah menengah teknik dengan penyediaan pendidikan kepada 77,000 pelajar.

"Pelajar ini kelak akan dapat menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta.

"Di UniKL, kami turut menyediakan laluan pendidikan bagi mereka melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi dengan kehadiran-kemudahan seperti Program Artikulasasi, Micro-Credential dan Pembelajaran berdasarkan Pengalaman Terdahulu (APED)," katanya.

Selaras dengan Dasar TVET Negara, tahun ini kerajaan menerusi pembentangan Belanjawan 2025 meningkatkan peruntukan RM7.5 billion berbanding RM6.8 billion.

Keutamaan diberikan untuk meningkatkan kerjasama dengan industri, menyediakan peluang latihan untuk bela rentan termasuk dari kelompok miskin bandar, terpinggir, pedalam dan Orang Asli selain membawa khasiat TVET bagi manfaat masyarakat.

Peluang pendidikan dan latihan TVET juga turut dipertingkatkan. Ini termasuk dana pendidikan sebanyak RM1.2 billion kepada 77,000 pelajar kolej vokasional dan sekolah menengah teknik.

Bukan itu saja, menerusi Belanjawan 2025 itu, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) menyediakan pembilangan sehingga RM500 juta untuk manfaat lebih 20,000 pelajar termasuk RM100 juta khusus untuk bidang keutamaan Pelan Induk Perindustrian Baru (NIMP) seperti penyelenggaraan, pembinaan dan penghuhsuan (MRO), kereta elektrik (EV),

SUNTIK SEMANGAT PELAJAR

Kenaikan sebanyak 15 peratus PCG nyata merangsang perkembangan pendidikan TVET ke arah arus perdana



TUMPUAN kepada latihan TVET dapat memperkasakan individu yang mempunyai kemahiran dan mengukuhkan kapasiti tenaga kerja.



DR Azman



PENGUNAAN teknologi seperti AI, Digital dalam TVET membolehkan pelajar seiring dengan kemajuan teknologi kini.

aeroangkasa dan kecerdasan buatan (AI).

GiatMARA dan kolej komuniti pula disediakan sebanyak RM55 juta bagi lima tahun untuk mengupaya 10,000 anak-anak huffaz dari institusi tafiz dan pondok dengan latihan kemahiran.

GiatMARA juga akan menyediakan latihan jangka pendek kepada lebih 3,000 pekerja gigi.

Selain itu, kerajaan juga berseruju kadar Geran Per

Capita (PCG) bagi TVET ditingkatkan sebanyak 15 peratus sekali gus menjadikan peruntukan keseluruhan PCG berjumlah lebih RM900 juta.

Menurut Pensyarah Kanan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Politeknik Muadzam Shah, Mohd Rizal Azman Rifin pula, belfau turut menyambut baik Geran Per Capita (PCG) bagi TVET yang ditetapkan sebanyak 15 peratus.

Menurutnya, kenaikan

PCG untuk pendidikan TVET kepada 15 peratus adalah insentif terbaik dalam merangsang perkembangan pendidikan TVET ke arah arus perdana.

Katanya, ini sekali gus akan menyuntik semangat pelajar untuk jadi aliran TVET sebagai pilihan pembelajaran.

"Penyaluran suntikan bajet itu seharusnya mampu mengutuk pendidikan TVET.

"Misalnya, sistem

pengajian politeknik Malaysia wajar diberikan satu peruntukan khusus yang besar kerana politeknik Malaysia mempunyai Kampus yang banyak di setiap negeri.

"Begitu juga dengan penambahbaikan prasarana pendidikan TVET mesti seiring dengan perkembangan semasa berdasarkan keperluan sektor industri," katanya.

Sementara itu, Pengarah Politeknik Merlimau Melaka (PMM) Norizam Sekar berkata, TVET memperoleh peruntukan besar kerana peranan penting bidang ini sebagai salah satu pemangkin untuk membangunkan bakat berkemahiran tinggi bagi memenuhi keperluan ekonomi dan mencapai matlamat negara makmur, inklusif dan mampan.

Menurutnya, peningkatan dalam peruntukan TVET seperti mana yang diumumkan pada Belanjawan 2025 itu amat penting dan kritikal bagi memperkasa bidang TVET secara keseluruhan di negara ini.

"Masyarakat luar bandar khususnya perlu diberi perhatian bagi meningkatkan kesedaran dan kepentingan bidang TVET dalam memacu negara ke arah globalisasi disamping menyediakan tenaga kerja separa mahir dalam memenuhi keperluan dan permintaan industri khususnya.

"Penggunaan teknologi seperti AI, Digital TVET memerlukan perbelanjaan yang tinggi dan kerajaan sudah mengorak langkah awal melalui pemerkasaan TVET," katanya.

Norizam berkata sistem pendidikan yang sedia ada juga perlu dinaiptaraf melalui perlengkapan digital TVET termasuk peralatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) sering dengan kurikulum, silih-silih semasa dan permintaan industri secara global.

"Peningkatan peruntukan juga secara langsung akan digunakan bagi menambahnilai kepakaran, kemahiran yang sedia adabagi tenaga pengajar, pelajar dan masyarakat setempat," katanya.

Sementara itu, Setiausaha agung Pertubuhan Kebangsaan Pekerja Berkemahiran (BELIA MAHIR), Rizan Hassan berkata, Belanjawan 2025 dilihati memainkan peranan penting dalam membentuk masa depan tenaga kerja negara.

Katanya, Belanjawan 2025 itu juga disifatkan kesungguhan kerajaan



Penggunaan teknologi seperti AI, Digital TVET memerlukan perbelanjaan yang tinggi dan kerajaan sudah mengorak langkah awal melalui pemerkasaan TVET

NORIZAM

melabur dalam bidang TVET yang mampu meningkatkan modal insan, meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan kekal berdaya saing dalam pasaran global.

"Dengan peruntukan yang besar, program TVET akan dapat menyediakan pelajar dengan kemahiran dan pengetahuan praktikal yang relevan secara langsung dengan keperluan industri.

"Kerajaan juga boleh melengkapkan individu dengan kapakaran teknikal yang diperlukan untuk mengisi peranan dalam permintaan dan menyokong sektor utama ekonomi menerusi peruntukan itu."

"Tumpuan kepada latihan TVET ini bukan sahaja memperkasakan individu yang mempunyai kemahiran yang boleh diambil bekerja tetapi juga mengukuhkan kapasiti tenaga kerja secara keseluruhan," katanya.

Mengoptimalkan peruntukan belanjawan untuk latihan TVET, pembangunan bakat dan inisiatif tenaga kerja berkemahiran tinggi memerlukan pendekatan pelbagai aspek.

Justeru, Rizan berkata kerajaan perlu bekerjasama dengan rakan kongsi industri, institusi pendidikan dan penyedia latihan untuk mereka bentuk program berkesan yang memenuhi keperluan pasaran buruh yang semakin berkembang.